



JABATAN PERIKANAN MALAYSIA KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

Department of Fisheries Malaysia
Ministry of Agriculture and Food Security
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 6, BLOK 4G2, WISMA TANI
NO. 30, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4
62628 PUTRAJAYA
MALAYSIA

03-8870 4426
ukk@dof.gov.my
<http://www.dof.gov.my>

No. Ruj.: PRK.ML.11/02/09-1/1(86)

UNTUK SIARAN SEGERA

SIARAN MEDIA

LARANGAN MEMAKAN DWICANGKERANG DARI NEGERI MELAKA

Orang Awam di negeri Melaka dilarang untuk memakan dwicangkerang bermula 5 April 2024 sehingga pemantauan tahap keselamatan bacaan biotoksin berada di paras yang dibenarkan serta kupang disahkan selamat untuk dimakan. Hasil analisis yang dijalankan oleh makmal Biosekuriti Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) terhadap sampel kupang dan air yang diambil pada 3 April 2024 dari Sebatu, Melaka telah menunjukkan kehadiran alga spesies *Alexandrium* yang berbahaya kepada kesihatan manusia.

Jabatan akan meneruskan pemantauan berterusan selama tempoh 20 hari dengan melakukan pengujian secara berkala mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP) Program Sanitasi Kerang-Kerangan Kebangsaan (National Shellfish Sanitation Program – NSSP) yang ditetapkan.

DOF pada 2 April 2024 juga telah mengeluarkan hebahan larangan sementara kepada pengusaha dan penternak bagi menghentikan serta merta aktiviti menjual dan mengeluarkan kupang ternakan melalui sistem pancang, rak dan *p-line* dari perairan negeri Melaka. Larangan tersebut merupakan tindakan pencegahan awal yang diambil Pejabat Perikanan Negeri Melaka berikutan kes kupang tercemar di Port Dickson.

Orang awam juga diminta untuk segera melaporkan kepada Jabatan Perikanan Negeri/Daerah yang berhampiran jika mengesan atau melihat perubahan warna air laut kepada warna merah, coklat, kuning atau hijau.

-TAMAT-

Dikeluarkan oleh:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Wisma Tani, Putrajaya

E-mel : ukk@dof.gov.my

5 April 2024



PERIKANAN PRODUKTIF MENJANA TRANSFORMASI

PRODUCTIVE FISHERIES TOWARDS TRANSFORMATION

